



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	3/9/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	13
JABATAN	:	KeTSA			

# Kementerian tak setuju tindakan Selangor

Menteri tuntut kerajaan Selangor laksana pembangunan lestari di tanah HSKLU yang dinyah warta

Oleh RAJA NUR FAZNE AIDA

SHAH ALAM

**K**ementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) tidak bersetuju tindakan kerajaan Selangor menyahwartakan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) terutama pada peringkat awal cadangan.

Menterinya, Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, pihak kementerian juga telah mengemukakan bantahan kepada kerajaan Selangor berhubung tindakan peryahwartaan HSKLU tahun lalu.

"Sebagai kementerian yang bertanggungjawab dalam pengurusan sumber asli negara, kementerian ini me-

mandang berat dan mengambil perhatian terhadap pewartaan keluar HSKLU yang melibatkan kehilangan sebahagian daripada keluasan asal iaitu seluas 957.63 hektar.

"Ini kerana sehingga tahun 2019, data Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) menunjukkan jumlah kawasan berhutan di Selangor adalah pada 31.74 peratus," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Tambah Takiyuddin, pihaknya sentiasa memastikan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara dilitupi hutan selaras komitmen Malaysia di peringkat antarabangsa.

"Pemeliharaan kawasan hutan adalah penting disebabkan peranannya dalam memberikan perkhidmatan ekosistem kepada kesejahteraan hidup masyarakat," katanya.

Sehubungan itu, Takiyuddin berkata, pihaknya turut mengambil maklum penggantian seluas 579.64 hektar melibatkan



TAKIYUDDIN

Hutan Simpan Sungai Panjang (308.62 hektar), Hutan Simpan Buloh Telor Barat (149.96 hektar), Hutan Simpan Buloh Telor Timur (57.18 hektar) dan Hutan Simpan Broga (63.88 hektar) sebagai hutan simpan kekal.

Menurutnya, ia bertujuan untuk memastikan hutan di Selangor terus dilindungi dan dipulihara.

"Kerajaan Selangor diharap memastikan kawasan hutan yang telah diwarta keluar tersebut dibangunkan dengan bertanggungjawab, malah mengambil kira amalan pembangunan lestari termasuk memastikan kecukupan zon penampungan selain mematuhi semua syarat yang ditetapkan Laporan Kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA).

"Ini bagi memastikan pembangunan yang bakal dilaksanakan tidak mengganggu gugat kawasan hutan dan ekosistem yang terletak bersebelahan, mahupun kehidupan masyarakat setempat khususnya masyarakat orang asli," ujarnya.